

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja

Nama Pena: Bonda Tun

Bismillahirrahmanirrahim

Alim-ulama menyebutkan bahawa Allah s.w.t menciptakan manusia atas tiga maksud; Pertama, *ubudiyah*, dan kedua adalah *tazkiyah*, yang mana dua perkara ini terkait rapat dengan hal-hal penyembahan dan peribadatan kepada Allah s.w.t secara zahir dan batin sebagaimana ayat al-Quran yang mafhumnya: "*Dan Aku tidak ciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu.*" (adz-Dzariyat:56)

Maksud ketiga adalah untuk memakmurkan dunia sebagai khalifah Allah s.w.t. Sesungguhnya Allah s.w.t telah mencipta dan menghampar mukabumi sebagai persinggahan atau jambatan menuju ke Alam Akhirat. Disebut juga sebagai tempat persinggahan roh-roh yang telah disarungkan dengan jasad fizikal atau tubuh badan dalam suatu tempuh dari semenjak lahirnya, sehinggalah masa wafatnya dan keluarnya dari alam dunia ini.

Dunia disebut sebagai tempat perbekalan, kerana sebagai umat Islam adalah menjadi kepercayaan dan keyakinan kita tentang wujudnya Alam Akhirat, yang termasuk padanya Hari Pengadilan atau Penghisaban, tempat yang mana akan dibentangkan segala amal perbuatan zahir dan batin manusia untuk dihisab (kecuali yang mendapat nikmat masuk syurga tanpa dihisab), dan diadili oleh Allah s.w.t yang Maha Adil lagi Maha Mengetahui.

Maka sebagai khalifah Allah, dunia perlu diuruskan dengan baik dan bijaksana supaya maksud penciptaan manusia untuk menyembah Allah 'azza wajalla secara zahir dan batin dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin sebagai suatu amanah yang agung. Manusia pertama yang dipertanggungjawabkan oleh Allah sebagai khalifahNya di atas mukabumi ini adalah Nabi Adam a.s.

Firman Allah s.w.t: "*Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi."* (al Baqarah : 30).

Hadrat Ibnu Mas'ud dan Ibnu Abbas r.a. anhuma telah mentafsirkan kalimah 'khalifah' di atas sebagai Nabi Adam a.s dan orang-orang yang berada pada kedudukan tersebut dalam melaksanakan ketaatan kepada Allah dan melaksanakan hukum dengan adil di antara makhluknya. Bermakna orang yang membuat onar dan kerosakan serta menumpahkan darah tanpa alasan yang benar, bukanlah daripada golongan khalifahNya.

Al-Qurthubi pula mentafsirkan ayat ini sebagai dalil tentang wajibnya mengangkat khalifah yang wajib didengar dan ditaati, sebagai menolong orang yang dizalimi, melaksanakan hukum dan tanggungjawab lain.

Allah Sebagai 'Raja Segala Raja' (*al-Malikul Mulk*)

Rasulullah s.a.w bersabda: "*Barangsiapa yang meninggal dunia tanpa menyaksikan dalam hidupnya (institusi) bai'ah (sumpah taat setia) yang memberikan legitimasi kepada pemerintahan (umat Islam) adalah seseolah dia meninggal dalam keadaan jahiliyyah.*" (HR Muslim)

Dalam konteks Hadith di atas, Syeikh Abdul al-Wakil Durabi berkata bahawa pemerintah atau ketua yang dimaksudkan di atas adalah khalifah atau wakilnya, iaitu raja-raja dan gabenor.

Sesungguhnya Institusi Beraja adalah sistem yang mendokong pemerintahan Khalifah, diciptakan Allah s.w.t dan dipilih oleh Islam sebagai sistem untuk mentadbir dan memerintah negara. Ianya merupakan suatu bentuk manifestasi kepada salah satu daripada nama-nama Allah yang agung dalam *Asmaul-Husna* iaitu *al-Malikul Mulk*, yang bererti '*Raja segala Raja*' atau '*Raja segala Kerajaan*'. Allah s.w.t telah menciptakan sistem beraja dan telah memberi kuasa pemerintahan kepada raja-raja agar dapat menunjukkan bahawa Dia adalah Raja segala raja. Jika Allah s.w.t tidak menjadikan raja-raja di dunia ini bagaimana Dia mengelarkan dzatnya sebagai '*Raja segala Raja*'?

Firman Allah :

"Katakanlah (Wahai Muhammad): Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu." (Ali 'Imran : 26)

Raja-raja Dunia Dalam Berbagai Wajah

Institusi Beraja adalah institusi tertua di dunia, merupakan suatu penerusan tradisi yang diwarisi dan tidak asing dalam kehidupan sosiopolitik dan budaya umat Islam, hatta umat manusia semenjak beribu-ribu tahun dahulu.

Sejarah mencatatkan tamadun-tamadun awal diperintah secara beraja atau disebutkan juga sebagai dinasti dan sistem monarki. Ianya meliputi kerajaan-kerajaan Babylon, Mesir Purba, Yaman Purba, Parsi Purba, Yunani, Romawi, India, China, kerajaan-kerajaan Islam selepas Khulafa' ur Rashidin. Di rantau sebelah sini wujud dinasti-dinasti pra-Islam yang awal seperti Kutai, Tarumanagara, Cham, Malayu, Srivijaya, Majapahit dan sebagainya, kemudian wujud pula kesultanan-kesultanan Melayu Islam seperti Melaka, Aceh, Pattani, Jawa, Brunei, Sulu, Mindanao dan banyak lagi.

Pemimpin manusia yang pertama adalah Nabi Adam a.s yang disebut kepimpinannya oleh Allah s.w.t sebagai khalifah. Sedangkan kepimpinan Nabi Ibrahim a.s pula disebut dengan gelaran Imam (Imamah). Ada pula yang disebut Allah sebagai al-Mulk yakni raja. Dalam kitab al-Quran banyak sekali disebut al-Mulk termasuk kepimpinan daripada keturunan Nabi Ibrahim a.s sendiri seperti Nabi Yusuff, Thalut (keturunan Bunyamin putera Nabi Yaaqub), Nabi Daud dan Nabi Sulaiman.

Sejarah perkembangan kerajaan-kerajaan dunia telah mengistilahkan ketua yang paling tinggi dengan berbagai nama seperti raja, rajah, kaisar, kiswa, roi, king, maharaja, firaun, sultan, khalifah dan sebagainya. Sedangkan kerajaan-kerajaan cabang serta dinasti-dinasti muncul daripada serpihan kerajaan induk,

keturunan raja-raja yang berkelana mahupun perkahwinan ahli-ahli agama dengan puteri-puteri pemerintah.

Bersambung....